



EDISI  
الْمَيْسُونِيَّةُ  
MAIS..

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

# Tekal Dalam Keprihatinan



Depresi PdPR Di Kalangan Mahasiswa : Cabaran Dan Solusi

Ms 5

“Panik COVID-19 : Pengalaman Dan Tip Menghadapi COVID-19”

Ms 8

HAKAM Peranan & Tindakan

Ms 9

## Kata-Kata Hikmah

“Lakukanlah kebaikan sekecil apa sekalipun, kerana engkau tidak pernah tahu kebaikan mana yang akan membawamu ke Syurga”

Dr. Che Mad



## Checklist Kematian Tiba-tiba

Ms 17





## JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN FIDYAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR JANUARI 2021 hingga OKTOBER 2021

### Set Makanan Asasi BARANG KERING

**Februari**

Penerima RSAFM 3,182 99 | JUMLAH RM318,200.00

**Mac**

Penerima RSAFM 4,192 149 | JUMLAH RM419,200.00

**April**

Penerima RSAFM 4,283 86 | JUMLAH RM428,300.00

**Mei**

Penerima RSAFM 3,138 104 | JUMLAH RM313,800.00



**Jun**

Penerima RSAFM 2,910 149 | JUMLAH RM291,000.00

**Julai**

Penerima RSAFM 4,927 173 | JUMLAH RM492,700.00

**Ogos**

Penerima RSAFM 5,705 144 | JUMLAH RM570,500.00

**September**

Penerima RSAFM 1,689 78 | JUMLAH RM168,900.00

**Oktober (setakat 15.10.2021)**

Penerima RSAFM 2,592 72 | JUMLAH RM259,200.00

### JUMLAH KESELURUHAN

Penerima RSAFM 32,618 1,054 | JUMLAH RM3,261,800.00

### SUMBANGAN TUNAI

**Nama RSAFM**

**Orang Asli Islam**

Penerima Sumbangan 1 penerima  
672 200 | JUMLAH RM134,400.00

**Nama RSAFM**

**Gabungan Teksi Se'Malaysia Malaysia**

Penerima Sumbangan 1 penerima  
3,550 500 | JUMLAH RM1,775,000.00



### JUMLAH KESELURUHAN

Penerima Sumbangan 1 penerima  
4,222 700 | JUMLAH RM1,909,400.00



## JUMLAH KESELURUHAN FIDYAH RM5,171,200.00

\*RSAFM: Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS



**EDISI**  
Sidang Editorial

**KETUA PENGARANG**  
Noormala binti Mohd Saad

**PENGARANG**  
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

**EDITOR**  
Salawati binti Hamid

**SUBEDITOR/PRUF**  
Norzaili bin Taib

**JURUFOTO**  
Shahrul Effendy bin Md Saat

**KOLUMNIS**

Hamizul bin Abdul Hamid  
Halim bin Mokhtar  
Siti Zurinah binti Zainal Abidin  
Mohd Hafiz bin Abdul Salam  
Ahmad Firdaus bin Muhammad  
Hasal bin Senin

# Tekal Dalam Keprihatinan

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**B**enar, saat ini pasca gencarnya operasi vaksinasi, maka *Herd Immunity* atau kekebalan kelompok makin terbentuk di negeri ini. Namun, jangan pernah lupa bahawa jumlah jangkitan di Selangor pernah menjadi mimpi negeri di Malaysia tercinta.

Kala itu, saban hari Selangor menjadi ‘juara satu’ carta COVID-19. Betapa sinisnya, sehingga ada penduduk negeri-negeri lain pernah bersatira di media sosial untuk memisahkan Selangor dari peta Semenanjung Malaysia, agar kes COVID-19 di Selangor tidak tertular keluar. Satira yang sadis dan sangat menghiris.

Seiringan dengan itu juga, kematian turut menjadi angka yang menggelisahkan. Jika dahulu ia terdengar jauh, kini ia mendatangi insan-insan terdekat. Jiran tetangga, sahabat karib, malah kaum keluarga sebumbung pergi tanpa pamitan. Deraian air mata anak-anak yang menjadi yatim dan isteri yang menjadi janda. Ia terus menjadi titik-titik kelam yang tidak terpadamkan.

Hakikatnya, posisi itu tidak menimbulkan aura senang dan suka. Apa yang ada, rasa kegetiran yang parah. Saban saat, ia menimbulkan resah yang berpanjangan. Trauma dan ketakutan yang tidak terucapkan. Diri kita sentiasa dibayangi oleh COVID-19, sehingga terfikir: ‘Selamatkah aku?’

Alhamdulillah, hari ini ia sudah sedikit menurun. Selangor sudah turun dari carta nombor satu. Namun jangan lupa, dilihat dari aspek kadar kumulatif jangkitan di Selangor, ia masih menyisakan kegalauan. Sehingga 13 September 2021, di seluruh negara tercatat 1,995,771 kes dan Selangor mengambil skor tertinggi iaitu 643,580 kes. Ia mewakili kek sebesar 32.2 peratus.

Dalam meniti arus ganas COVID-19 yang menghentam kehidupan umat, kita sudah terlalu letih sebenarnya. Apatah lagi dengan wujudnya elemen kebosanan melampau dalam kalangan rakyat yang mencetuskan kelesuan pandemik. Bukan sedikit yang begitu berani mendobrak SOP dan tidak endah lagi keselamatan diri dan orang lain. Syukurlah, barisan hadapan kita melaluinya dengan penuh keazaman.

Inilah cabaran terbesar Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang tidak mungkin menjadi penonton di pinggir arena. Amanah dan tanggungjawab yang telah digalaskan di pundak MAIS dan seluruh jajaran anak-anak syarikatnya perlu diterjemahkan ke lapangan secara nyata. Ini realiti bukan mimpi yang bisa hilang setelah terjaga.

Maka, bagaimakah MAIS dan seluruh ejensi di bawahnya dapat terus berkolaborasi dan berpartisipasi atau mengambil bahagian dan berperanan secara aktif dalam mendepani pandemik dahsyat ini?

Inilah yang bakal kita sama-sama soroti kali ini di sebalik lensa Edisi yang mengetengahkan tajuk, ‘Tekal Dalam Keprihatinan’.



Ya, tekal bermaksud konsistensi atau istiqamah dalam mengambil sikap. Istiqamah itu pula adalah sifat yang paling disukai oleh Allah SWT, sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: ‘Amalan yang paling dicintai oleh Allah Ta’ala adalah amalan yang berterusan (tekal, konsisten atau istiqamah) walaupun itu sedikit.’ (Hadis riwayat Imam Muslim)

Ummul Mukminin ‘Aisyah rha ketika mendengar sabdaan Rasulullah SAW mengenai hal ini, terus berazam untuk melakukan sesuatu amalan itu secara rutin, menjadi kebiasaan dan berkekalan dalam kehidupannya. Ya, sedikit pun tidak mengapa asalkan ia berkekalan.

Lalu, ketekalan MAIS amat besar manfaatnya demi umat. Ia demi memastikan umat Islam yang disantuni merasakan masih ada harapan untuk hari esok. Tidak putus asa dan bersikap yang bukan-bukan.

Dalam suasana yang serba menghimpit, secebis harapan bisa membawa kebaikan yang besar. Biar tidak mudah, namun ia adalah satu amanah dan itulah antara amalan yang paling disukai Allah SWT. Inilah kami, MAIS yang menggalas amanah dengan penuh ketekalan demi ummah. **Edisi**

# Tekal Prihatin: Pengalaman MAIS dan agensi

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**S**edari awal pandemik, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mempamerkan keseriusannya dalam menanggulangi wabak ini. Sejurus negara diisythihar berada dalam cengkaman wabak dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, MAIS telah memanggil Mesyuarat Kumpulan Ketua Agensi dan Anak Syarikat MAIS, demi mewujudkan satu kolaborasi aktiviti di antara MAIS dan seluruh agensi dibawahnya.

Inisiatif ini penting dalam memastikan keberkesanan santunan kepada ummah, serta kesannya ke atas semua agensi.

Setahun telah berlalu, MAIS dan agensinya terus tekal dalam menyantuni ummah. Terkini, MAIS telah menyalurkan RM2 juta untuk membantu 20,000 keluarga Islam yang terkesan akibat COVID-19. Keutamaan sudah pasti kepada golongan B40, mereka yang dibuang kerja, dicutikan tanpa gaji, dikurangkan gaji sehingga 50 peratus atau mereka yang hilang punca pendapatan.

MAIS mensasarkan sumbangan dalam bentuk makanan asasi termasuk beras, tepung, minyak, gula dan sebagainya menggunakan peruntukan Fidyah MAIS. Di antara mereka yang menerima sumbangan ialah pengusaha dan pekerja kantin sekolah, pekerja pembersihan, tukang kebun, pengawal keselamatan serta ahli kariah yang terkesan.

MAIS turut mengaggaskan Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) yang terdiri daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS), Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK), masjid dan surau di daerah yang terlibat.

MAIS dengan TERAS juga turut menyampaikan sumbangan makanan kepada Barisan Hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Setakat ini antara PKD yang terlibat ialah, PKD Petaling, PKD Klang, PKD Pelabuhan Klang dan PPV Dewan Sukan Pandamaran. Masing-masing menerima 100 paket makanan terdiri daripada roti dan air mineral.

Bagi mereka yang telah meninggal dunia akibat COVID-19, MAIS telah memperuntukan RM50,000 bagi tujuan menyediakan bekalan peralatan pengurusan jenazah seperti beg mayat dan kelengkapan perlindungan diri (PPE). Sumbangan itu disalurkan kepada Amal Valley Organization (AVO) iaitu pertubuhan yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk menguruskan jenazah COVID-19 di hospital-hospital di Selangor.

Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa kos minimum bagi menguruskan satu jenazah mangsa COVID-19 adalah sebanyak RM940.50, termasuk penyediaan satu beg mayat, tujuh set PPE untuk digunakan petugas. Apatah lagi pengurusannya hanya boleh dilakukan oleh mereka yang terlatih dan berpengalaman.

Melalui kerjasama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan TERAS, para petugas Barisan Hadapan turut disantuni. Beberapa PPV, PKD dan Hospital di Negeri Selangor telah menerima sumbangan paket makanan berjumlah keseluruhan RM28,350, dengan jumlah penerima 7,300 sepanjang tempoh PKP.

Semua sumbangan ini merupakan tanda sokongan dan prihatin MAIS bagi menghargai pengorbanan petugas Barisan Hadapan yang bertungkus-lumus mengawal penularan pandemik COVID-19 sejak Mac tahun lalu.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga terus tekal menjadi agensi MAIS yang paling banyak menyalurkan sumbangan. Sejak 2020 sehingga kini, ratusan juta telah diperuntukkan. Terkini, LZS melancarkan inisiatif terbaharu iaitu bantuan Zakat Selangor Peduli.

Melalui inisiatif ini, RM69.3 juta disediakan untuk memenuhi keperluan 19 inisiatif yang memberi manfaat kepada 59,322 penerima, dan 431 buah institusi di Selangor. Daripada jumlah itu, RM1.0 juta telah diambil dari dana amil bagi menyokong keperluan asas petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus menangani pandemik COVID-19.


Menerusi bantuan Zakat Selangor Peduli itu juga, LZS turut menyantuni 1,000 guru pusat tahfiz yang terjejas; selain turut menyalurkan bantuan yang bersesuaian kepada 250 institusi tahfiz yang berdaftar di bawah Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS).

Ia ekoran laporan media baru-baru ini bahawa hutang yuran pelajar Maahad Tahfiz di Selangor telah mencecah RM8 juta. Ini secara tidak langsung menyebabkan pusat tahfiz tidak mampu membayar gaji guru, bil air dan elektrik serta sewa bangunan dan urusan berkaitan.

Selain itu, LZS turut menyalurkan sumbangan sebanyak 2,000 paket makanan dan minuman selama 30 hari kepada orang ramai yang hadir membuat penilaian kesihatan di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) Stadium Melawati, Shah Alam yang diketahui umum menerima jumlah kehadiran yang sangat banyak sebelum ini.

Realitinya, ini adalah sebahagian daripada ketekalan MAIS dan jajaran agensinya dalam mendepani Pandemik COVID-19. Masih banyak yang tidak dapat dipaparkan di sini. Marilah kita bermunajat kepada Allah SWT agar pandemik ini segera diangkat, lalu menyaksikan kehidupan normal kembali lagi seperti satu waktu dahulu, amin.

Wallahu'lam. **Edisi**



# DEPRESI PdPR DI KALANGAN MAHASISWA : CABARAN DAN SOLUSI

Oleh: Halim Bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)  
Pensyarah Jabatan Dakwah & Kepimpinan FPPI, KUIS

**P**ANDEMIK COVID-19 yang melanda di seluruh dunia telah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan negara. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi (IPT) negara berubah wajah daripada pengajaran tradisional berbentuk kuliah kepada pembelajaran maya PdPR didefinisikan sebagai pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian melalui dua kaedah iaitu secara dalam talian dan luar talian.

Dengan norma yang baharu ini telah menimbulkan kesan terhadap mahasiswa. Antaranya depresi PdPR dikalangan mahasiswa yang perlu diberikan perhatian serius dan tidak wajar dikesampingkan. Beberapa kes mahasiswa dilaporkan menghadapi tekanan dalam pembelajaran sehingga menyebabkan kematian. Berita duka ini sangat memilukan apabila kita dikejutkan dengan apabila dua orang mahasiswa institusi pengajian tinggi telah meninggal dunia kerana dikatakan mengalami tekanan emosi disebabkan oleh pembelajaran dalam talian dan terbeban dengan tugas dan peperiksaan akhir.

Berikut beberapa faktor yang boleh menyebabkan depresi dikalangan mahasiswa :

- 1 **Masalah capaian kemudahan Internet yang lemah** terutama di kawasan pendalaman.
  - 2 **Kos kemudahan Internet yang menjadi bebanan kewangan** kepada mahasiswa khususnya untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik.
  - 3 **Suasana yang tidak kondusif untuk belajar.** Kemudahan fasiliti dan latar belakang keluarga yang berbeza khususnya keluarga yang miskin atau sederhana serta kemudahan peranti seperti komputer atau telefon pintar yang terhad.
  - 4 **Tahap keberkesanan pembelajaran rendah** kerana tidak dapat memberi komitmen kepada pensyarah dalam proses pembelajaran.
  - 5 **Konflik tanggungjawab di antara mahasiswa, keluarga dan pensyarah.** Tertekan dan buntu dalam pengurusan masa yang padat dalam menguruskan keperluan diri, keluarga dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah.
  - 6 **Tiada ruang berkongsi masalah dan maklumat** bersama rakan sebaya atau pensyarah dalam menjalani sesi PdPR.
- 7 **Menyediakan pakej bantuan kewangan.** Iaitu melalui TABUNG KHAS COVID-19 (TKC 19) kepada mahasiswa KUIS yang memerlukan bantuan.
  - 8 **Data percuma** kad modul pengenalan pelanggan (SIM) dilengkapi data internet percuma selama 12 bulan kepada mahasiswa Selangor sumbangan daripada Kerajaan Negeri Selangor.
  - 9 **Bantuan laptop percuma.** Pihak KUIS dengan kerjasama Masjid Al Azhar KUIS telah melancarkan 'Tabung INFQAQ Sumbangan Laptop' bagi membantu keperluan pembelajaran secara dalam talian khusus untuk mahasiswa yang tidak berkemampuan memiliki komputer.
  - 10 **Penyediaan sesi perkongsian secara virtual** untuk mahasiswa dalam menguruskan masa dan merancang tugas yang diberikan dengan baik serta membantu sekiranya menghadapi masalah tugas. Penggunaan medium *group Whatsapp, telegram* dan *e-learning* sebagai platform utama penyampaian kepada mereka.
  - 11 **Memperkasa sistem mentoring dan usrah** dalam memastikan komunikasi berkesan di antara mahasiswa dan pensyarah berjalan dengan baik dan pengisian pertemuan yang lebih bersifat motivasi dan kepentingan pengurusan diri dan masa.
  - 12 **Sesi kaunseling yang efektif.** Menganjurkan Program Bicara Maya Kaunselor berkaitan PdPR dan sesi temujanji yang disediakan terbuka kepada mahasiswa KUIS.
  - 13 **Penganjuran Siri Webinar PdP dalam Talian** untuk program pengisian dengan menjemput pakar dalam bidang motivasi, pengurusan masa dan kesihatan mental kepada mahasiswa dan pensyarah.
  - 14 **Program Pembangunan Pensyarah** dalam pemerkasaan kaedah baharu Pengajaran & Pembelajaran lebih kreatif dan berinovasi serta kaedah penyampaian dengan pelaksanaan pembelajaran atas talian dengan berasaskan *Program Learning Outcome (PLO)* dan *Course Learning Outcome (CLO)*.
  - 15 **Memperkasa peranan MPP** sebagai "Nadi" penghubungan dan perantara mahasiswa dengan pihak Pengurusan KUIS dalam memastikan kebijakan mahasiswa sentiasa diutamakan.
  - 16 **Penganjuran Munajat Perdana KUIS secara virtual** dengan pengisian Solat Hajat dan Bacaan Yasin bersama warga KUIS dan Ahli Keluarga.

Dalam menangani cabaran tersebut, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkongsi pengalaman dalam mendeplani isu ini. Dengan kerjasama MAIS dan Kerajaan Negeri Selangor telah bersama-sama mengembangkan tenaga dan usaha menghadapi norma baharu dalam perkhidmatan pendidikan iaitu dengan meningkatkan kualiti pendidikan, pemerkasaan kaedah baharu Pengajaran & Pembelajaran dan perkhidmatan sokongan universiti yang lebih kreatif dan berinovasi. Bagi menangani isu ini pihak KUIS telah melaksanakan beberapa tindakan dan solusi bagi membantu mahasiswa dalam menangani isu ini. Antara tindakan yang diambil :

Kesimpulannya, pihak KUIS sentiasa mengambil perhatian dan peka terhadap kebijakan mahasiswa terutama dalam kesihatan mental semasa sesi PdPR ini berlangsung dan memastikan sesi pembelajaran dapat diteruskan tanpa sebarang tekanan terhadap mahasiswa dan pensyarah. Sesungguhnya inilah cabaran alaf baru yang mesti ditempuh. Kebergantungan diri kepada Allah adalah sangat penting bagi menjamin kestabilan jiwa di samping persiapan fizikal yang sentiasa berhadapan dengan cabaran. Asasnya mahasiswa mestilah bijak dalam mendeplani dan menghadapi cabaran ini dengan hati yang terbuka dan bersedia untuk menghadapinya dengan solusi yang terbaik. **Edisi**

# Syahidkah Mangsa COVID-19?

Oleh: Noormala Binti Mohd Saad ([noormala@mais.gov.my](mailto:noormala@mais.gov.my))  
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

S.S. Prof. Madya Dr. Miszairi Bin Sitiris, S.S. Timbalan Mufti Selangor, merungkai jawapan bagi persoalan ini.

**D**ari padaperspektif syarak adakah mereka yang meninggal akibat COVID-19 dikategorikan sebagai mati syahid?

Sebelum menjawab soalan tersebut, ada baiknya sekiranya kita ketahui dahulu pembahagian mati syahid di dalam Islam. Secara ringkas, terdapat dua kategori mati syahid iaitu mati syahid dunia dan akhirat.

1

## MATI SYAHID DUNIA

Mereka adalah sesiapa yang terkorban atau terbunuh di dalam perperangan melawan orang-orang kafir di dalam mempertahankan agama Allah swt. Orang yang mati sebegini tidak perlu dimandikan atau disolatkan. Di akhirat nanti mereka akan diberi ganjaran yang istimewa oleh Allah S.W.T dan mereka terselamat dari soalan kubur.

Merekalah yang dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam surah Al-Nisa', ayat 74:

**Bermaksud:** "Dan sesiapa yang berperang pada jalan Allah lalu ia mati (gugur Syahid) atau beroleh kemenangan, maka Kami akan memberi kepadanya pahala yang besar".

Begin juga di dalam surah Al-Baqarah, ayat 154 Allah S.W.T berfirman:

**Bermaksud:** "Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela Agama Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyadarinya".

Di dalam surah Ali Imran: ayat 169 Allah S.W.T menegaskan lagi dengan firmanya:

**Bermaksud:** "Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki".

2

## MATI SYAHID AKHIRAT

Mereka adalah sesiapa yang meninggal dunia dengan cara tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadis-hadis Nabi Muhammad S.A.W.

Antaranya:

- Mereka yang mati dibunuhi secara zalim
- Mati kerana sakit perut
- Mati lemas
- Mati kerana menuntut ilmu
- Mati kerana bersalin
- Mati kerana wabak penyakit seperti taun dan sebagainya

Mereka yang mati sebegini masih perlu dimandi, dikafan dan disolatkan seperti jenazah biasa.

Bagi mereka yang meninggal akibat jangkitan COVID-19, mereka dikategorikan sebagai mati syahid akhirat. Ini sebagaimana yang telah difatwakan oleh Darul Ifta' Mesir dan dinyatakan di IRSYAD AL-FATWA SIRI KE-473, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.

Secara umumnya, apa yang dapat dirumuskan adalah mati syahid yang disebabkan oleh ujian yang berat serta menanggung penderitaan dan kesakitan yang amat pedih. Sememangnya mereka yang mati kerana jangkitan COVID-19 menderita menanggung kesakitan yang tidak terkira. COVID-19 menyerang paru-paru yang menyebabkan seseorang hilang keupayaan untuk bernafas.

Di akhirnya, beliau menyarankan peranan Institusi agama dalam membantu mereka yang diuji dengan COVID-19 ini perlu ditingkatkan.

Institusi Agama seperti masjid, surau, Institusi zakat serta Jabatan Agama Islam sememangnya mempunyai peranan yang penting dalam membantu keluarga terdekat yang diuji semasa pandemik COVID-19. Institusi-institusi Agama perlu bekerjasama memastikan kebijakan keluarga yang ditimba musibah ini terjamin ketika di dalam tempoh kuarantin dari segi keperluan harian dan sebagainya. Seandainya terdapat kematian di kalangan ahli keluarga terutamanya ibu bapa, anak-anak telah menjadi yatim piatu, maka kelangsungan hidup mereka perlu diambil perhatian sama ada dari aspek kehidupan harian maupun perajaran.

Antara aspek penting yang tidak boleh diabaikan di dalam membantu mereka yang terjejas akibat pandemik ini adalah memberi sokongan moral kepada mangsa-mangsa COVID-19 serta keluarga mereka.

Memberi semangat dan harapan untuk meneruskan kehidupan dan menerima ujian ini dengan bersangka baik terhadap qada' dan qadar Allah swt. Mendekatkan dan meletakkan pergantungan yang kuat kepada Allah SWT sebagai jalan keluar dari kemelut wabak ini. Perkara ini adalah amat penting bagi mengelakkan mereka dari berputus asa lalu melakukan tindakan yang tidak diingini seperti mencederakan atau membunuh diri. **Edisi**

# Pengurusan Jenazah di Negeri Selangor

Oleh: Muhammad Syafiq Bin Ahmad Fozi ([syafiq@mais.gov.my](mailto:syafiq@mais.gov.my))  
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

**F**irman Allah S.W.T dalam Surah al-Imran ayat 185 yang membawa maksud:

*"Tiap-tiap yang bernyawa itu akan merasai mati dan bahawasanya pada kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu."*

Apabila seseorang Islam meninggal dunia maka fardu kifayah kepada orang yang hidup melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 1 Memandikan
- 2 Mengkafarkan
- 3 Menyembahyangkan; dan
- 4 Mengkebumikan

Keempat-empat perkara tersebut, wajib dilaksanakan dengan sempurna dan segera kecuali orang yang mati syahid, maka wajib dikafarkan dan dikebumikan dan haram dimandi dan disembahyangkan.

Kaitannya pada masa kini, negara Malaysia sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19. Sejak mula pandemik ini berlaku di Negara Malaysia, kematian akibat penyakit ini semakin hari semakin meningkat. Sehingga 31 Ogos 2021, 16,664 kematian telah dicatatkan akibat penyakit COVID-19.

Angka ini menunjukkan pandemik COVID-19 ini adalah sangat serius dan perlukan tindakan segera dalam mengatasi perkara ini. Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia yang antaranya 80 peratus capaian imunisasi kelompok telah menerima vaksin dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat perlu dilaksanakan bagi mencapai hasrat PPN seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.



## Pengurusan Jenazah COVID-19 di Negeri Selangor

Pengurusan jenazah merupakan satu keperluan bagi memastikan jenazah orang Islam terutamanya dapat diuruskan dengan baik dan mengikut hukum syarak. Namun, pengurusan jenazah COVID-19 di Negeri Selangor lebih agresif kerana kematian akibat COVID-19 di Negeri Selangor saban hari menunjukkan peningkatan.

Di Negeri Selangor, kaedah pengurusan jenazah semasa krisis pandemik COVID-19 yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melalui pelbagai peringkat semakan. Dalam penentuan pengurusan jenazah ini juga melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Selangor.

Oleh itu, setelah melalui pelbagai peringkat dan keterlibatan pelbagai agensi dalam pengurusan jenazah di Negeri Selangor, secara ringkasnya, berdasarkan surat JAI.SEL.BPM/01/006/2 JLD. 5(46) bertarikh 24 Ogos 2021, pengurusan jenazah COVID-19 di semua hospital di Negeri Selangor hendaklah diuruskan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Pertama yang bersidang pada 7 Ogos 2021 dan setelah disembah maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor seperti berikut:

- 1 Hukum asal pengurusan jenazah muslim termasuk jenazah pesakit COVID-19 hendaklah diurus dengan sempurna melalui kaedah pengurusan jenazah dengan dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan dalam tempoh masa semimum mengikut SOP yang telah ditetapkan;
- 2 Sekiranya terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa pengurusan jenazah berisiko dijangkiti dengan penggunaan air, maka hendaklah digantikan dengan tayamum pada anggota badan jenazah dengan mengambil kira SOP yang ditetapkan;
- 3 Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan atau dibimbangi boleh membawa kepada penyebaran penyakit, maka gugur kewajipan memandikan / tayamum ke atas jenazah dan memadai dengan dikafan, disembahyang dan dikebumikan.
- 4 Dalam melaksanakan keputusan ini, pihak hospital dan pihak berkuasa agama perlu menyediakan tenaga kerja, segala kelengkapan dan keperluan.

Dalam pada yang sama juga, pihak JAIS juga telah menyenaraikan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang bertauliah dalam menguruskan jenazah COVID-19 di Negeri Selangor. Antaranya Pertubuhan Ukhwah Bersama, Pertubuhan Sentuhan Setia Kasih, Pertubuhan Amal Team dan Amal Valley Organization. Bagi khidmat kenderaan jenazah masjid dan surau JAIS pula ialah Sahabat Van Jenazah JAIS.

Dapat disimpulkan bahawa pengurusan jenazah di Negeri Selangor telah mengambil kira pelbagai faktor dalam pelaksanaannya. Oleh itu, bagi mendapatkan maklumat yang sahih haruslah merujuk kepada agensi atau organisasi yang tepat dalam pelaksanaannya agar kita dapat melaksanakan tindakan yang benar. Benar dari sudut undang-undang dan benar dari sudut hukum syarak. Wallahu alam.

**Edisi**



# “PANIK COVID-19 : PENGALAMAN DAN TIP MENGHADAPI COVID-19”

Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)  
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

**P**eluang kedua @ seperti mati hidup semula. Itulah istilah yang boleh saya gunakan selepas sembuh (walaupun belum sepenuhnya) daripada serangan COVID-19.

Demam panas masih belum kebah, badan semakin lemah, nasi yang masuk ke tekak termuntah semula, sendi-sendi badan terasa sangat sakit, batuk berpanjangan, tekak terasa panas dan perit. Antara simptom yang saya rasai ketika itu. Jam 2 petang, 5 Mei 2021 (Rabu), saya membuat ujian saringan COVID-19 di Klinik Swasta. Jam 6 petang telefon berbunyi, rupanya klinik tempat saya membuat ujian saringan COVID-19 memaklumkan bahawa keputusan ujian saringan COVID-19 saya adalah positif.

Demam dan gejala COVID-19 terus berlarutan bermula 6 Mei hingga 9 Mei dan tidak menunjukkan akan sembuh malahan semakin teruk. 10 Mei, nafas saya terasa sempit seperti orang lemas. Saya minta isteri menghubungi pihak Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR). Jam 1.30 petang ambulan HTAR tiba dan saya terus diberi bantuan pernafasan dan oksigen. Saya dibawa ke HTAR dan dimasukkan ke ICU.

Di ICU, pegawai perubatan mengatakan pernafasan dan paru-paru saya amat tidak stabil dan mereka mengambil keputusan untuk menidurkan saya. Antara kata-kata pegawai perubatan yang begitu memberi kesan kepada saya ialah, “Encik, saya akan tidurkan encik ya, tapi kami tak tahu selepas ini encik ada lagi ataupun tidak. Jadi bersedia lah dengan segala kemungkinan, banyakkan syahadah, selawat dan istighfar encik.” Tak tahu nak gambarkan bagaimana perasaan saya ketika itu, cuak, takut, gelisah dan sebagainya bermain di kotak fikiran. Dalam hati saya bermonolog sendiri, “Ya Allah adakah ini hari terakhir saya di atas dunia ini”? Saya dipindahkan ke tempat khas untuk ditidurkan.

Ketika proses saya akan ditidurkan, saya lihat lebih kurang lima orang pegawai perubatan berada di hadapan saya.. Bermula daripada pandangan yang jelas hingga pandangan saya menjadi kabur dan akhirnya saya tidak lagi sedar.

Ketika koma saya terdengar suara ini, “Jaga 3 amanah berikut; amanah dalam bekerja (diperlihatkan gambaran suasana kerja di pejabat saya), amanah dalam tugas Imam (diperlihatkan gambaran suasana saya sedang mengimamkan solat di masjid) dan amanah menjaga kewangan pelbagai (diperlihatkan gambaran duit-duit yang diamanahkan pada saya). Kemudian saya terdengar sayup-sayup suara, “Encik bangun encik, encik bangun encik, encik bangun encik”. Saya tersedar dalam keadaan sangat sejuk, rupanya saya hanya memakai lampin pakai buang tanpa baju dan seluar. Seingat saya waktu itu waktu malam.

Rupanya saya telah dibawa masuk ke dalam wad 8B (wad COVID-19). Menurut isteri saya, pegawai perubatan menghubunginya dan memaklumkan saya telah sedar pada hari ketiga setelah saya ditidurkan. Setelah terjaga, saya kebingungan dan tertanya-tanya, “kenapa aku ada di sini?, hari ini hari apa?

Saya berada di HTAR selama 12 hari bermula 10 Mei (Isnin) @ 28 Ramadhan hingga 22 Mei (Sabtu) @ 10 Syawal. Banyak pengalaman ketika 12 hari di wad ini. Antaranya kesesakan kerana terlalu ramai pesakit COVID-19, bercampur tandas, keadaan tandas yang kurang bersih akibat pesakit COVID-19 yang terkena cirit-birit dan sebagainya.

Ingatan dan doa saya kepada semua yang berada di luar sana, jagalah SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan, daftarkan diri untuk mengambil vaksin, tenang dan kawal diri apabila tahu anda dijangkiti @ positif, rujuk dan kemaskini status melalui aplikasi MySejahtera dan hubungi hospital jika keadaan membimbangkan. Disamping menjaga dan mematuhi SOP, antara usaha dan ikhtiar melalui kaedah amalan kerohanian yang disarankan ialah;

- 1** Amalkan membaca surah Al-Quraisy sebanyak 21 kali selepas Subuh dan Maghrib
- 2** Membaca doa yang warid daripada hadis Nabi SAW berkaitan wabak penyakit (silakan rujuk laman web Jabatan Mufti Selangor)
- 3** Perbanyak taubat, zikir, koreksi diri dan dekatkan diri kepada Allah S.W.T
- 4** Bersangka baik pada Allah atas anugerah ujian yang diberikan kepada kita walau sebesar manapun ujian tersebut

Sebagai akhirnya, setiap sesuatu yang berlaku adalah dengan izin dan kehendak daripada Allah SWT. Justeru, pasti ada hikmah yang besar daripada ujian dan musibah COVID-19 ini. Pastikan kita sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT. **Edisi**

# HAKAM Peranan & Tindakan

Oleh: Ahmad Firdaus bin Muhammad (firdaus@mais.gov.my)  
Esekutif Penyelidikan, MAIS

**D**alam menyelesaikan isu masalah rumah tangga diantara pasangan suami dan isteri, maka peranan HAKAM adalah amat penting sekaligus menjadi pemudahcara diantara dua pihak yang sedang dalam pertikaian dan persengketaan. HAKAM atau MUHAKKAM adalah merupakan orang yang dilantik oleh pihak-pihak bagi mengadili pertikaian tersebut. Ianya dilakukan dengan cara mengadakan majlis atau pertemuan yang dinamakan sebagai Majlis Tahkim. Untuk mengetahui lebih lanjut, teruskan bacaan anda.

## Pengertian TAHKIM

Tahkim dari sudut etimologi bermaksud “memberi kuasa menjatuhkan hukuman kepada seseorang” atau “menjadikan (menyerahkan) hukuman pada sesuatu yang bagi engku kepada orang lain” atau “pengambilan seseorang oleh dua orang yang bertikai dengan persetujuan keduanya, supaya orang itu menyelesaikan pertikaian dan dakwaan keduanya”.

Manakala dari sudut terminologi bermaksud “satu proses di mana pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang untuk menjadi hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara mereka berlandaskan hukum syarak.

Perlaksanaan Tahkim di dalam Mahkamah Syariah berlaku apabila individu lain yang diserahkan tugas oleh pihak-pihak atau diserahkan tugas oleh Mahkamah bagi menyelesaikan pertikaian dan persengketaan pihak-pihak dalam perkahwinan melalui Majlis Tahkim sama ada penyelesaian melalui cara pendamaian atau perceraian.

## Pengertian HAKAM

HAKAM dikenali sebagai arbitrasi atau timbang tara dan boleh diertikan sebagai memberi kuasa menjatuhkan sesuatu hukuman kepada seseorang. Manakala dari sudut istilah iaitu satu proses dimana pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang atau hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara pihak-pihak berlandaskan hukum syarak.

Asas perlaksanaan HAKAM ini adalah berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa, ayat 35 yang bermaksud : *“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan diantara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah ‘orang tengah’ (untuk mendamaikan mereka) iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu (dengan ikhlas) bertujuan untuk mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakaat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui , lagi amat dalam pengetahuanNya”*.

Menurut Imam al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra telah meriwayatkan bahawa :Dari pada Ubaidah al-Salami, beliau berkata; Telah datang kepada Ali k.w seorang lelaki dan seorang wanita (pasangan suami isteri) dan turut hadir Bersama mereka Jemaah masing-masing. Maka Ali memerintahkan mereka

mengutus seorang hakam lelaki dari keluarga suami dan seorang lagi dari keluarga isteri, kemudian beliau berkata; “Kamu berdua tahu apa tugas kamu? Tugas dan tanggungjawab kamu sekarang hendaklah satukan mereka kembali, jika kamu berpendapat mereka patut dipisahkan” lalu wanita itu berkata; “Saya redha dengan kitab Allah apa sahaja hukuman yang dikenakan keatas atau bagi saya”, kemudian lelaki itu pula menjawab; “Pencerahan, tidak!”, maka Ali terus berkata; “Kamu berdusta, demi Allah sehingga kamu mengaku sepertimana yang diakui oleh dia (isterinya itu)”.

Manakala dalam peruntukan Undang-undang, HAKAM ini disebut dalam Seksyen 47 dan Seksyen 48, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014.

Dapat disimpulkan disini bahawa peranan dan tindakan HAKAM ini adalah beroreintasikan perbincangan dan perundingan bagi penyelesaian masalah rumah tangga yang tidak dapat diselesaikan sendiri oleh suami dan isteri atas sebab-sebab atau berlakunya halangan-halangan tertentu yang hanya akan disahkan oleh pihak Mahkamah dan ia di istilahkan sebagai AL-SHIQAQ iaitu bermaksud dari sudut terminologi ialah perkelahian antara suami dan isteri yang berlarutan sehingga menjadikan kerukunan rumah tangga. Terdapat 8 jenis terma AL-SHIQAQ yang boleh disabitkan oleh mahkamah bagi setiap kes.

Untuk maklumat yang lebih terperinci, pembaca bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) di <https://www.jakess.gov.my/index.php/ms/perkhidmatan/perkhidmatan-utama/hakam#> dan <https://www.jakess.gov.my/hakam/hakam.pdf>. Edisi



# KISAH BENAR : JENAZAH COVID-19

Disediakan oleh: Salawati Binti Hamid ([wawa@mais.gov.my](mailto:wawa@mais.gov.my))  
Eksekutif Korporat & Multimedia, MAIS



**J**enazah COVID-19 kian meningkat tatkala Negeri Selangor sedang dilanda pandemik COVID-19. Ketika itu varian delta mula tersebar luas dengan pantas. Ketika ini, Negeri Selangor sedang dalam Perintah Kawalan Pergerakan.

Menelusuri perjalanan dalam pengurusan jenazah COVID-19, pelbagai cerita dan dugaan yang menimpa. Hanya Allah SWT yang memahami perasaan sebagai sukarelawan yang menguruskan jenazah COVID-19.

Pada kali ini, editor Edisi mendapatkan cerita sebenar di sebalik tirai pengurusan jenazah COVID-19 dengan menemubual seorang Doktor di bawah pertubuhan yang menerima kebenaran pengurusan jenazah COVID-19 di Negeri Selangor ini iaitu Amal Valley Organization. Amal Valley Organization adalah sebuah NGOi yang menerima bantuan sebanyak RM50,000.00 daripada MAIS untuk pengurusan Jenazah COVID-19.

## Pengalaman Sebagai Sukarelawan

Dalam banyak-banyak kes, ada satu kes yang mendapat perhatian saya sebagai sukarelawan. Ia bermula apabila mendapat panggilan telefon untuk menguruskan jenazah COVID-19 yang meninggal di Hospital Pantai Ampang. 'Kali pertama menguruskan jenazah di hospital swasta' getus hati.

Urusan berjalan lancar seperti biasa. Tayamum, solat, penghantaran ke kubur dan pengebumian dilakukan oleh pihak Amal Valley Organization secara penuh. Alhamdulillah, selesai. Selang seminggu, dalam banyak-banyak panggilan untuk menguruskan jenazah, kami menerima panggilan dari waris yang sama. Pada mulanya kami menganggap ada urusan yang belum selesai. Ternyata, meleset. "Encik, ingat tak team Encik uruskan jenazah Abang saya minggu lepas?" Ayat pertama yang didengari selepas menjawab salam. "Kali ni, isteri dia pula meninggal Encik. Kami minta Encik uruskan, boleh?" Sambung waris. Allahuakbar. Sudah 2 jenazah dari keluarga ini kami uruskan.

Ia tidak berhenti di situ. Kemudiannya bersambung kepada adik beliau pula dan seterusnya suami kepada adik beliau dan yang terbaru, anak saudara beliau. Kami betul-betul terpana. Kehilangan 5 ahli keluarga akibat COVID-19. Jika kehilangan seorang ahli keluarga pun mungkin dah membuatkan kita rasa terpukul dan sedih, apakah lagi jika kehilangan 5 orang ahli keluarga? Apa anda rasa?

Kami cuba untuk buat video apabila menguruskan jenazah kelima ini, namun permintaan dari waris ini membuatkan kami terus batalkan niat kami. "Encik, kalau boleh, jangan di warkan. Sebab masih ada ahli keluarga kami yang sedang di rawat di hospital. Seorang masih tak sedarkan diri. Seorang lagi baru sedar, dan dia baru dapat gunakan telefon. Kami takut dia dapat tahu yang ibu bapa dan adik dia ni dah meninggal. Kami

tengah fikir bagaimana nak sebarkan maklumat."

Penerangan waris ni membuatkan kami batalkan niat kami untuk membuat video. Niat kami sebenarnya untuk memberi kesedaran kepada masyarakat di luar sana untuk cakna berkaitan bahayanya COVID-19 ini. COVID-19 ini sangat kejam. Sedangkan kehilangan seorang ahli keluarga pun kita tidak sanggup, apatah lagi kehilangan 5 ahli keluarga. Cuba bayangkan. Allahuakbar. Hanya Allah SWT sahaja yang faham perasaan ini. Seperti pepatah 'Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.'

Begitulah kisah benar perjalanan seorang sukarelawan dalam menguruskan jenazah COVID-19 ini. Bukan sahaja pengalaman yang digarab, malahan ia juga memuhasabahkan diri untuk lebih dekat dengan Allah SWT. **Edisi**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



## MAIS Lancar Kempen Bulan Faraid Negeri Selangor 2021 Bermula 5 Julai Sehingga 6 Ogos 2021

**JULAI 2021** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melancarkan Kempen Bulan Faraid Negeri Selangor 2021 bermula 5 Julai sehingga 6 Ogos 2021 bagi memupuk kesedaran masyarakat cintakan ilmu faraid yang kian dilupakan kini.

Pelancaran disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abd Aziz Mohd Yusof, Pengurus MAIS menerusi platform Facebook MAIS yang disiarkan secara langsung semasa merasmikan Webinar Wacana Faraid Online dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Kempen yang bertemakan ‘Faraid Dipelihara Waris Bahagia’ ini, MAIS mengambil insiatif untuk memberi kefahaman dan mendidik masyarakat agar celik ilmu faraid dan seterusnya menjadikan amalan menguruskan harta, mengikut hukum syarak.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat dan melaksanakan pengurusan harta pusaka dengan lebih mudah, permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Sistem e-Faraid MAIS di <http://efaraid.mais.gov.my/>. [Edisi](#)

Majlis Agama Islam Selangor is live now.
18 mins ·

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Ba...

LIVE
333

YAD TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF  
PENGURUSU MAIS

## MAIS Sumbang RM537,500 Bantu Masjid, Surau Dan Pusat Tahfiz Seluruh Negeri Selangor Yang Terkesan Akibat Pandemik Covid-19

**OGOS 2021** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang RM537,500 bagi menampung keperluan masjid, surau dan pusat tahfiz seluruh Negeri Selangor yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3 sebagai usaha MAIS dalam membantu maslahah ummah.

Daripada jumlah RM537,500 itu, sebanyak RM337,500 diperuntukkan kepada 638 buah masjid dan surau iaitu 316



## 8,750 Set Makanan & Minuman MAIS Disalurkan Untuk Petugas Barisan Hadapan Di PPV, HTAR, IPK Dan IPD

**JULAI 2021** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan sumbangan set makanan dan minuman berjumlah keseluruhan sebanyak RM28,875 kepada 8,750 petugas Barisan Hadapan di Pusat Penerimaan Vaksin (PPV), Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang (HTAR), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor dan Ibu Pejabat Polis Daerah.

Penyampaian sumbangan kali ini merupakan fasa kedua melibatkan sebanyak 11 PPV, HTAR, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor dan 15 IPD bertujuan meringankan beban penerima yang menghadapi kekangan mendapatkan makanan dalam tempoh PKP. [Edisi](#)

penerima adalah masjid dan 322 adalah surau yang terpilih di negeri ini mengikut senarai yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Masing-masing menerima bantuan sebanyak RM500.00 bagi setiap masjid atau surau.

Manakala sebanyak RM200,000 disumbangkan kepada Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) melibatkan sebanyak 250 buah maahad tahfiz yang terjejas bagi keperluan kos utiliti dan sewaan bangunan di samping penyediaan kemudahan pembelajaran serta kebajikan pelajar-pelajar tahfiz di negeri ini.

Majlis simbolik penyerahan replika cek MAIS disampaikan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengurus MAIS kepada Ustaz Hazman, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS dan Ustaz Muhamad Hafiz Mohamad Haneefa, Pengurus PITAS di sini hari ini. Hadir sama Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS. [Edisi](#)



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



## 156 Jalur Gemilang Diedar Sempena Hari Kebangsaan

**OGOS 2021** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil inisiatif menyemarakkan semangat patriotik menjelang sambutan Hari Kebangsaan dengan mengedarkan 156 Jalur Gemilang kepada Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS), Agensi dan Anak Syarikat.

Daripada 156 Jalur Gemilang itu, sebanyak 11 bendera Malaysia dan 145 bendera pelekat kenderaan diedarkan kepada JHEIS yang terdiri daripada Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor.

Selain itu, turut menerima Jalur Gemilang adalah Agensi dan Anak Syarikat MAIS seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd dan Bakti Suci Holdings Sdn Bhd. Majlis simbolik penyerahan Jalur Gemilang dan sesi lekat bendera kenderaan disempurnakan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengurus MAIS. [Edisi](#)

## Vaksinasi Khas Frontliner Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

**SEPTEMBER 2021** – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah menjalankan Program Vaksinasi dengan membuka Pusat Pemberian Vaksin Khas (PPV) untuk Guru-Guru sekolah di bawah kelolaan JAIS, Penolong Pendaftar Pernikahan (PPP) dan Pegawai-Pegawai Masjid serta Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang belum menerima vaksin.

Program Vaksinasi Khas ini dilaksanakan bagi menjunjung Titah D.Y.M.M. Sultan Selangor selepas menerima sembah maklum dari Pengarah JAIS mengenai status pelaksanaan vaksinasi terhadap pegawai barisan hadapan di bawah kawalan JAIS pada 2 September 2021 lalu. [Edisi](#)



## Majlis Penyerahan Set PPE Pengurusan Jenazah COVID-19 Di Masjid Jamek Ar-Rahimiah Klang (MJAR Klang)

**OGOS 2021** – Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Dato' Mohd Shahzihan bin Ahmad telah menerima Mockup Cek dan set PPE untuk kegunaan pengurusan jenazah COVID-19 di Masjid Jamek Ar-Rahimiah Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif (LZS), Tuan Haji Saipolyazan M. Yusop telah menyerahkan Mockup Cek yang bernilai RM385,000 serta set PPE kepada Pengarah JAIS, Dato' Mohd Shahzihan Ahmad.

Majlis penyerahan ini juga turut dihadiri oleh Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir. [Edisi](#)



## Majlis Pengisytiharan Taubat Masitah Ab Jalar (Perjalanan Mimpi Yang Terakhir - PMYT)

**SEPTEMBER 2021** – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan Majlis Pengisytiharan Taubat Puan Masitah binti Ab Jalar atau dikenali sebagai S'ttah An Nur di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam yang disaksikan oleh empat (4) orang saksi iaitu Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor Dato' Dr. Anhar bin Opir, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Sahibus Saadah Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Dato' Haji Mohd Shahzihan bin Ahmad dan wakil Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.

Majlis Pengistiharan Taubat hari ini diatur atas persetujuan Puan Masitah dengan rela tanpa paksaan demi memberitahu kepada umum, khususnya kepada individu atau pihak yang percaya dan berpegang kepada pernyataan mimpi beliau untuk turut bersama-sama mengakui kekhilafan yang dilakukan, bertaubat serta kembali kepada prinsip-prinsip Islam yang benar. [Edisi](#)



**Sumber : Lembaga Zakat Selangor**



## Zakat Selangor Peduli: LZS Peruntukan RM69.3 Juta Santuni Asnaf Dan Golongan Terkesan

**JULAI 2021** – Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan agihan zakat sebanyak RM69.3 juta menerusi 19 inisiatif bantuan di bawah Zakat Selangor Peduli bagi menyantuni asnaf dan golongan B40 terkesan, susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan akibat penularan pandemik COVID-19.

Inisiatif bantuan tersebut akan memberi manfaat kepada 59,322 penerima dan 431 institusi yang dilaksanakan secara berperingkat sehingga Disember ini.

## Lima Beradik Yatim Piatu Sekelip Mata Terima Perhatian YIDE

**OGOS 2021** - Berat mata memandang, berat lagi bahu dipikul, begitulah perumpamaan melihat kehidupan 5 beradik menjadi yatim piatu sekelip mata akibat musibah wabak COVID-19 ini yang melanda kedua ibu bapa mereka.

Tidak terungkap dengan kata-kata dan YIDE difahamkan kedua ibu bapa mereka hanya dibezakan seminggu anak-anak ini bergelar yatim piatu, ALLAH...besar dugaan mereka.

YIDE melalui skuad PRIHATIN YIDE diwakili oleh Md. Arifin bin Jaafar, Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan dan Publisiti dan Muhammad Zubair Azizan, Eksekutif Kebajikan hadir menziarahi 5 beradik ini dan turut menyalurkan sumbangan wang tunai dan barang keperluan atas kepada penjaga mereka.

Setiap sumbangan anda, layak mendapat perlepasan cukai dibawah subseksyen 44 (6) akta cukai pendapatan 1967 melalui resit rasmi Yayasan Islam Darul Ehsan. **Edisi**



**Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan**



Empat agenda dirangka bagi menyalurkan agihan zakat secara bersasar dengan keutamaan untuk memenuhi keperluan asasi golongan asnaf fakir, miskin dan mualaf, meringankan beban golongan rentan, menyokong pemulihan institusi agama di Selangor serta menyokong keperluan asas barisan hadapan. **Edisi**



## Zakat Selangor Peduli: 1,000 Guru Tahfiz Terjejas Dibantu

**OGOS 2021** – Seramai 1,000 guru pusat tahfiz yang terjejas akibat pandemik COVID-19 akan dibantu oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerusi bantuan Zakat Selangor Peduli.

Selain itu, LZS turut menyalurkan bantuan yang bersesuaian kepada 250 institusi tahfiz yang berdaftar di bawah Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS). **Edisi**



## 45 Keluarga Dipindahkan Selepas Rumah Dinaiki Air

**SEPTEMBER 2021** – Hujan lebat yang berlaku sejak dua hari lepas mengakibatkan sebahagian kawasan di negeri Selangor dinaiki air.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) hari ini turun padang menyantuni 45 buah keluarga yang terpaksa dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki banjir.

Menurut mangsa, hujan lebat yang berlaku lewat malam dua hari lepas menyebabkan paras air naik dan menenggelamkan kediaman mereka yang rata-rata tinggal di kawasan tanah rendah di daerah itu.

Kunjungan YIDE diwakili oleh Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan & Publisiti, Md Arifin Jaafar menyerahkan sumbangan wang tunai dan barang keperluan asas harian dan diserahkan terus kepada mangsa. **Edisi**

**Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**



## Pelajar Kembali ke KUIS Secara Berperingkat

**SEPTEMBER 2021** – Proses kemasukan pelajar ke KUIS akan dilaksanakan secara berperingkat bermula 15 Oktober 2021. Berdasarkan perutusan rasmi yang dibuat Kementerian Pengajian Tinggi, KUIS telah menetapkan kemasukan pelajar ke kampus hanya mereka yang lengkap divaksin dan telah melepas tempoh keberkesanan (14 hari selepas divaksin) sahaja yang dibenarkan. Ini melibatkan semua kategori pelajar dan semua Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) juga keutamaan diberikan kepada pelajar berkeperluan.

“KUIS sangat mengalu-alukan kehadiran semula pelajar secara berperingkat ke kampus dan kita menyambut baik pengumuman yang telah dibuat oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad semalam.”

– Pemangku Rektor KUIS, Profesor Madya Dr. Mohd Farid Ravi

## Perkhidmatan Kawalan Pembasmian Serangga

**JULAI 2021** - Telah dijalankan aktiviti kawalan pembasmian serangga (*pest control*) di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur yang meliputi seluruh kawasan luar mahkamah dan di dalam bangunan mahkamah. Kakitangan mahkamah mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pekerja perkhidmatan *pest control*. [Edisi](#)



## Perbicaraan Kes Secara Dalam Talian

**SEPTEMBER 2021** - Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur telah menjalankan sesi perbicaraan kes secara atas talian di hadapan Tuan Muhamad Hisyam Bin Zakaria pada 24 Ogos 2021 bagi kes pengesahan lafadz talak dan merekodkan persetujuan Nafkah Anak, 26 Ogos 2021 bagi merekodkan persetujuan Nafkah Anak, merekodkan persetujuan Nafkah Isteri (Plaintif diwakili oleh Tetuan Mohd Irwan) dan perbicaraan Tunggakan Nafkah (Plaintif diwakili oleh Tetuan Akberdeen), 7 September 2021 kes permohonan pengesahan nikah (Pemohon diwakili oleh Tetuan Jaafar Menon), manakala pada 8 September 2021 di hadapan Puan Noranizan Binti Mohd Sufian bagi kes perceraian (Plaintif diwakili oleh Tetuan Syamsuar). [Edisi](#)

**Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor**



Abdullah. Beliau menyambung, KUIS akan mengeluarkan pekeliling dan SOP dalam masa terdekat sebagai rujukan semua pelajar, kakitangan akademik dan bukan akademik. [Edisi](#)



## Program Bacaan Undang-Undang Mahkamah Rendah Syariah Petaling Tahun 2021


**Ogos 2021** - Mahkamah Rendah Syariah Petaling telah menjalankan beberapa siri bacaan undang-undang bagi tahun 2021 di lokasi ini bermula pada bulan Julai yang lepas. Bermula pada 12 Julai 2021 yang lalu bertajuk “Wasiat Wajibah” yang disampaikan oleh Ketua Pejabat lokasi ini, Tuan Shukran bin Yusof. Kemudian pada 26 Julai 2021, siri ke-2 bertajuk “permohonan Nikah Bawah Umur” yang disampaikan oleh Puan Masroha binti Duki, disusuli siri yang ke-3 pada 18 Ogos 2021 bertajuk “Saman Penghutang Perkahwinan & Notis Penghakiman” yang disampaikan oleh Tuan Ali Najmi bin Mohd Noordin. Seterusnya siri yang ke-4 pada 24 Ogos 2021 bertajuk “Tuntutan Fasakh” yang disampaikan oleh Puan Nurul Hidayah binti Jani. [Edisi](#)



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

# TEKA SILANGKATA JAWI EDISI MAIS

Siri 3/2021



#### Arah:

1. Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja. Abaikan semua petak yang berwarna.
2. Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang (dari kiri ke kanan).
3. Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak (dari atas ke bawah).
4. Huruf (ၢ) hendaklah dieja berasingan antara (၂) dan (၁).

#### Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

1. Perkataan \_\_\_\_\_ diucapkan setelah kita selesai membaca doa atau al-fatihah.
2. Malaysia menyambut Hari \_\_\_\_\_ ke-64 pada tahun 2021 ini.
3. \_\_\_\_\_ bahasa merujuk kepada perkataan yang menarik dan mempunyai makna yang berbeza dari sebutan. Contoh simpulan bahasa ialah ‘kaki ayam’.
4. Menjelang lebaran, ramai anak perantauan akan \_\_\_\_\_ berhari raya di kampung halaman.
5. Jika nak masak nasi minyak yang sedap, maka minyak \_\_\_\_\_ kena ada. Jika tidak ada minyak sapi, maka tidak sedap rasanya.

#### Menegak Dari Atas ke Bawah (A-E):

- A. Sebaik-baik \_\_\_\_\_ ialah mimpi bertemu Nabi Muhammad SAW.
- B. \_\_\_\_\_ emas di bawa belayar, masak sebiji di atas peti.
- C. Selain halia dan kunyit, \_\_\_\_\_ juga adalah sejenis herba yang berada di dalam tanah dan perlu digali untuk mendapatkannya.
- D. Sifat lemah-\_\_\_\_\_ dengan ibu bapa sangat dituntut dalam Islam.
- E. Dahulu orang takut dengan lintah, sekarang ada orang menternak \_\_\_\_\_ sebagai medium rawatan. **Edisi**

# SIRI BELAJAR JAWI (SIRI KEDUA PULUH ENAM)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن  
منشي ديوان (جاوي)

## KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS. (GUGUS KONSONAN)

Pada minggu lepas kita sudah mempelajari kata nama khas Bahasa Inggeris yang dieja mengikut sebutan. Pada minggu ini, kita belajar kata pinjaman Bahasa Inggeris yang mengandungi huruf gugus konsonan. Gugus konsonan ialah dua huruf konsonan berurutan dalam satu suku kata. Huruf gugus konsonan dibunyikan dengan satu sebutan. Dalam ejaan Bahasa Inggeris, huruf gugus konsonan boleh terdapat diawal, di tengah dan diakhir perkataan.

Kaedah penulisan jawi pada huruf gugus konsonan di awal kata dan di tengah kata ialah dengan cara merangkaikan atau mendekatkan huruf berkenaan tanpa sisipan huruf vokal.

Contohnya ialah:

Rumi	Rumi	Jawi
Konsonan di awal kata	klinik	کلینیک
	psikologi	پسکولوژی
	skrip	سکریپ
	stuktur	ستوکتور
	flora	فلورا

Gugus Konsonan di tengah kata	abstrak	ابسترک
	eksport	ایکسپورت
	perspektif	پرسپکتیف
	fotografi	فوتوگرافی
	transfomer	ترنسفورمر

Kesimpulannya, cara penulisan gugus konsonan di awal dan di akhir perkataan hendaklah dieja mengikut padanan huruf. **Edisi**



# Anak Pekebun Kecil Raih Keputusan Cemerlang STPM, Tekad Bantu Keluarga

Oleh: Shahrul Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)  
Eksekutif Perhubungan Awam, MAIS

**M**endapat keputusan cemerlang bagi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dalam keadaan negara sedang menghadapi penularan pandemik COVID-19 bukan perkara mudah.

Perkara itu diakui seorang anak kepada pekebun kecil yang berjaya mencapai keputusan cemerlang dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.92 dalam peperiksaan STPM 2020.

Mohamad Ikhwan, 20, pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang berkata, sejak daripada awal dia sudah memasang tekad untuk mendapat keputusan cemerlang bagi memudahkannya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda.

Menurutnya, keputusan cemerlang ini membuktikan belajar secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam serba kekurangan bukan halangan untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam STPM.


Tambahnya lagi, ramai beranggapan STPM agak sukar dan membuang masa, namun baginya keadaan tidak seperti itu sekiranya pelajar konsisten mengulangkaji pelajaran.

"Saya bersyukur kerana bukan mudah untuk mengikuti PdPR kerana kaedah pembelajaran bersemuka lebih penting buat calon peperiksaan utama untuk memahami pelajaran.

"Saya nak ucap terima kasih juga kepada ibu bapa saya yang sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk berjaya. Bahkan guru-guru yang banyak membantu supaya semua calon peperiksaan memahami pelajaran masing-masing dan rakan-rakan saya juga tidak kedekut ilmu serta saling bantu-membantu untuk belajar dalam musim pandemik COVID-19 ini," katanya ketika dihubungi oleh penulis.

Ketika ditanya apakah rahsia memperoleh keputusan cemerlang, Mohamad Ikhwan berkata, beliau mengambil masa bersendirian

## BIODATA:



NAMA:	MOHAMAD IKHWAN BIN MASHROL
UMUR:	20 TAHUN
ASAL:	SABAK BERNAM, SELANGOR
ADIK-BERADIK:	ANAK KE-2 DARIPADA 4 ADIK BERADIK
PENDIDIKAN:	KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH, KLANG STPM (PNGK 3.92) SPM (5A) PMR (7A) UPSR (4A 1B)
CITA-CITA:	PENASIHAT SYARIAH PUTUS PERBANKAN

dengan mengulangkaji pelajaran seawal pukul 4.00 pagi bagi menelaah setiap mata pelajaran.

"Saya juga buat solat hajat dan memohon kepada Allah agar dipermudahkan segalanya dan meminta ibu dan bapa mendoakan sebaiknya. Saya juga kerap menggunakan medium WhatsApp untuk bermesej dengan cikgu, mana-mana pelajaran yang sukar difahami, saya akan rujuk dengan cikgu sepenuhnya," katanya.

## MENDAPAT TAWARAN PENGAJIAN DI UNIVERSITI MALAYA

Mengulas lanjut tentang perkembangan terkini Mohamad Ikhwan, anak kedua daripada empat adik-beradik ini berkata, beliau bekerja sementara sebagai pekerja am di Syarikat Ternakan Udang, Sabak Bernam bagi membantu keluarga dan menampung sedikit perbelanjaan dirinya.

"Alhamdulillah, saya boleh kumpul duit melalui pekerjaan ini. Saya juga melahirkan rasa syukur kepada Allah, kerana sudah mendapat tawaran dari Universiti Malaya (UM) dalam bidang pengajian syariah.

"Keputusan STPM ini benar-benar membantu saya untuk melanjutkan pelajaran ke universiti awam. Tanpa sokongan keluarga, guru-guru dan rakan-rakan, saya tidak mampu mencapai keputusan sebaik ini," katanya lagi.

## TEKAD BANTU KELUARGA

Siapa sangka Mohamad Ikhwan yang mendapat keputusan cemerlang dalam keputusan STPM merupakan anak kepada pekebun kecil.

"Bapa saya adalah asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS). Beliau bekerja sendiri dengan berkebun dan ada tanaman kecil seperti pokok pisang untuk membesarakan kami sekeluarga. Alhamdulillah, kami mendapat bantuan dari LZS.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada LZS dan MAIS serta mereka yang tampil menuaikan zakat di LZS. Alhamdulillah berkat zakat yang ditunaikan, banyak manfaat yang dapat diterima oleh para asnaf dan zakat yang diterima sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban terutama perkara yang berkaitan dengan yuran pengajian. Semoga LZS dan MAIS terus bergerak maju dalam membantu meningkatkan taraf pendidikan golongan asnaf," katanya.

Mohamad Ikhwan yang bercita-cita ingin menjadi Penasihat Syariah di pusat perbankan berkata, beliau juga bertekad untuk membantu keluarga agar mendapat kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

"Saya nak bantu keluarga saya. Banyak jasa dan pengorbanan ibu bapa saya untuk membesarakan saya dan adik-beradik saya serta memberi pelajaran yang secukupnya. Terima kasih mak, terima kasih ayah. Pendidikan amat penting bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang bagus. InsyaAllah," katanya mengakhiri perbualan. **Edisi**

# CHECKLIST

## KEMATIAN TIBA-TIBA

Oleh: Norzaili Bin Taib (zaili@mais.gov.my)  
Pembantu Eksekutif Korporat & Multimedia, MAIS

**A**pabila berlaku kematian, pembahagian dan pengurusan harta pusaka merupakan satu perkara yang mesti dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur tertentu yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang.

Namun demikian, ramai orang tidak mengetahui sama ada dia menjadi waris si mati atau tidak? Sama ada ibu dan bapa si mati yang masih hidup berhak ke atas harta pusaka si mati atau tidak? Berikut dikongsikan:


Tuntutan yang dituntut selepas berlaku kematian:

- 1 PENGKEBUMIAN**
  - Kesemua perbelanjaan pengkebumian si mati dari mandi hingga ke pengkebumian
- 2 MENYELESAIKAN HUTANG**
  - Hutang kepada Allah seperti Haji, Zakat, Fidyah dan Nazar
  - Hutang kepada manusia lain dan Bank
- 3 TUNTUTAN HARTA PUSAKA**
  - Wasiat            • Hibah
  - Wakaf            • Harta sepencarian
- 4 PEMBAHAGIAN FAROID**
  - Baki yang tinggal selepas pembahagian no. 1, 2 & 3

Di sini adalah salah satu senarai wajib ambil tahu sebelum berlaku ajal:

### 1. WASIAT

Wasiat ertiinya iqrar seseorang yang dibuat pada masa hayat ke atas hartanya untuk disempurnakan selepas kematiannya bagi maksud kebijakan yang dibenarkan menurut Hukum Syarak.



### 2. HIBAH

Hibah adalah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan.



### 3. HARTA PUSAKA

Islam menetapkan kaedah bagi pembahagian harta pusaka yang dinamakan sebagai faraid. Ia diperoleh daripada seseorang yang meninggal dunia yang meninggalkan waris yang layak menerima harta pusaka mengikut Hukum Syarak setelah diuruskan jenazah si mati, dilunaskan hutang piutangnya dan dilaksanakan wasiatnya (sekiranya ada).

Ia dibahagikan mengikut kadar yang telah ditetapkan tertakluk kepada sebab, syarat-syarat tertentu dan tiada yang menghalang ahli waris daripada menerima harta pusaka tersebut.

- Si Mati
- Laksana Wasiat
- Lunaskan Hutang Piutang
- Bahagi Harta Pusaka



Sistem faraid merupakan satu sistem pembahagian pusaka yang adil dan seimbang. Ini kerana sistem tersebut telah mengakui hak setiap waris terhadap harta peninggalan si mati dan memberi ruang yang luas-seluasnya kepada mereka yang mempunyai hubungan dengan si mati samada melalui hubungan darah atau perkahwinan untuk mewarisi harta peninggalan tersebut. Sistem ini juga, melindungi bahagian setiap waris dengan menetapkan kadar yang tertentu dan menghadkan kadar wasiat yang hanya pada kadar satu pertiga sahaja dari hartanya, demi untuk mengejek si mati meninggalkan warisnya dalam kemiskinan. Selain itu, Islam juga telah menentukan waris-waris yang berhak ke atas harta peninggalan si mati iaitu waris *ashab al-furud, asabah dan dhawi al-arham*. **Edisi**

### MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN:

Penulisan Wasiat • Pengurusan Hibah • Pengamanahan • Pengurusan Harta Pusaka Harta Luqatah • Wang Tidak Patuh Syariah • Wang Orang Berhutang • Fidyah • Kaffarah • Sedekah dan lain-lain.

Sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan Baitulmal MAIS, Sila hubungi Bahagian Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor di talian 03-5514 3400 Sambungan 3773/3772/2195 atau emel ke [pro@mais.gov.my](mailto:pro@mais.gov.my)

# Tan Sri Prof. Dr Ahmad Muhammad Abd al-Raúf

Oleh: Mohd Hafiz bin Abdul Salam ([hafizsalam@mais.gov.my](mailto:hafizsalam@mais.gov.my))  
Pengurus Penyelidikan, MAIS

**A**hmad Muhammad Abd al-Raúf di lahirkan di Abu Sir Gharbieh, sebuah penempatan di tepi Sungai Nil di utara Bandaraya Kaherah, Mesir pada 27 Disember 1917. Berkahwin dengan Buthayna Ayad dan dianugerahkan dengan empat orang cahaya mata iaitu Feisal, Aisha, Salwa dan Ayman.

## Pendidikan

Tan Sri Prof. Dr Ahmad Muhammad Abd al-Raúf adalah seorang cendiakawan Islam yang mahir dalam Pendidikan tradisional Islam dan juga terlatih dalam method Pendidikan empirikal Barat. Hal ini membuatkan beliau disegani dalam dunia akademik dunia Islam dan Barat. Ditambah dengan sifatnya yang penyayang, sabar, bertolak ansur dan tegas menjadikannya cendiakawan yang mudah diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Beliau telah mendapatkan Pendidikan tinggi di Universiti Al Azhar Mesir dengan mendapat ijazah pertamanya dalam bidang usuluddin pada 1942 manakala setahun kemudian beliau telah memperoleh ijazah Al-Alimiyyah di samping Diploma Pendidikan di Universiti yang sama.

Seterusnya, pada 1954 beliau telah ke Eropah untuk menyambung pengajian di Universiti of Cambridge, England dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera dan 4 tahun selepas itu pula iaitu pada tahun 1958 beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti yang sama. Akhirnya, pada tahun 1963 beliau telah memperolehi ijazah kedoktoran di Universiti of London.

## Jasa dan Sumbangan

Pada tahun 1955, Kolej Islam Malaya (KIM) telah ditubuhkan di atas sekeping tanah wakaf bekas Istana Di Raja di Kelang hasil sumbangan Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj dan melalui tempat inilah sumbangan dan peranan besar Tan Sri Prof. Dr Ahmad Muhammad Abd al-Raúf telah bermula.

Pada masa tersebut, Tunku Abdul Rahman Alhaj, Perdana Menteri Pertama Malaya ingin melihat Pendidikan Islam di Malaya maju dan setanding dengan negara-negara lain. Tunku juga mahu melihat kurikulum sekolah agama rendah, menengah dan pengajaran tinggi digubal secara sistematis dan memenuhi kehendak pendidikan zaman moden. Diatas permintaan ini, pihak Universiti Al-Azhar Mesir telah menghantar Tan Sri Prof. Dr Ahmad Muhammad Abd al-Raúf ke Malaya untuk menjadi tenaga pengajar di situ. Ini bersesuaian dengan latar belakang beliau yang juga mempunyai kemahiran dalam dua sistem pendidikan tradisional dan moden. Beliau telah mencurahkan segalil ilmu



dan kepakarannya di KIM selama 2 tahun dalam melihat umat Islam di Malaysia maju di dalam dua dimensi pendidikan iaitu keutuhan akidah dan juga pembangunan fizikal moden. Namun, pada 1959 beliau telah diamanahkan pula untuk menerajui satu lagi institusi iaitu Jabatan Pengajian Islam (JPI), Universiti Malaya dan bermakna beliau menjalankan 2 tugas dengan mengetuai KIM dan JPI sehingga tahun 1964.

Selepas lebih kurang 9 tahun berkhidmat di Malaya, beliau telah kembali ke Mesir dan dilantik sebagai *Professor* di Universiti Al-Azhar. Namun, lebih kurang setahun kemudian beliau telah dilantik sebagai Pengarah, Pusat Kebudayaan Islam di New York, Amerika Syarikat dengan menjawat jawatan tersebut selama 6 tahun. Selepas ini, beliau telah menjadi tenaga pengajar di George Washington University, Amerika Syarikat. Akhirnya, pada tahun 1983 pula, beliau pula telah menerima jemputan untuk menjawat jawatan Profesor Pengajian Islam di University of The United Arab Emirates (UAE).

Ibarat sireh pulang ke gagang, tidak sampai setahun beliau di UAE sekali lagi beliau dijemput ke Malaysia untuk menerajui Institusi Pengajian Tinggi Islam yang baru pula iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) pada tahun 1983 dengan hanya 2 kuliyyah sahaja pada peringkat awalnya iaitu Kuliyyah Undang-Undang dan Kulliyah Ekonomi dan Pengurusan. Beliau telah menerajui UIAM sehingga tahun 1990.

Sumbangan beliau tidak hanya terhad dalam bidang akademik sahaja tetapi juga aktif dalam kegiatan dakwah. Beliau banyak memberikan syarahan, membentang kertas kerja dan menulis buku untuk tujuan dakwah tersebut. Beliau juga berjasa dalam menyanggah fahaman-fahaman yang menyeleweng pada ketika itu iaitu dengan wujudkan kumpulan anti hadis yang menjadi masalah besar di Malaysia pada masa tersebut.

## Penutup

Hasil usaha dan jasanya dalam system Pendidikan moden Islam di Malaysia adalah sangat besar kerana melalui sistem ini lahirlah tokoh-tokoh ulama yang berwibawa, cendekiawan-cendekiawan yang cemerlang, negarawan yang terbilang yang dapat menerajui Malaysia ke arah negara yang mendapat keredhaan Allah. Tan Sri Prof. Dr Ahmad Muhammad Abd al-Raúf telah bertemu penciptanya pada hari Sabtu 28 Syawal 1425H bersamaan 11 Disember 2004 pada umur 87 tahun. Beliau meninggal pada jam 7.30 pagi di Hospital Bethesda di Maryland dan dikebumikan di tanah perkuburan kebangsaan Washington di Suitland, Maryland pada hari Ahad 12 Disember 2004. **Edisi**



# PELAN STRATEGIK MAIS 2020-2024

## Visi

Mendaulatkan Syiar Islam

## Misi

Memperkasakan ummah selaras dengan hukum syarak

### Dikenali...



ITQAN (tekun) dalam beramal atau bekerja, bermaksud menyempurnakan atau melaksanakan satu tuntutan daripada seseorang sebagaimana yang dikehendaki oleh orang tersebut tanpa kurang sedikit pun dengan sesempurna mungkin disertai dengan usaha yang kuat agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan.

Sumber : Laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Kuala Lumpur

**ISLAM** : Pengukuhan akidah, Syariah dan akhlak

**IJTIMAIE** : Pembangunan sistem sosial Islam yang dinamik

**IQTISAD** : Pemantapan sumber ekonomi Islam

**9 STRATEGI** yang digubal bersama MAIS, jabatan dan agensi yang terlibat



**TADBIR** : Pemerkasaan tadbir urus dan sistem penyampaian

**QANUN** : Pemerkasaan dasar dan perundangan

## 5 Teras



**AKIDAH**  
Pengukuhan Akidah, Syariah dan Akhlak


**SOSIAL**  
Pembangunan Sistem Sosial Islam Yang Dinamik

**EKONOMI**  
Pemerkasaan Sumber Ekonomi Islam

**TADBIR URUS**  
Pemerkasaan Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian

**UNDANG-UNDANG**  
Pemerkasaan Dasar dan Perundangan Islam

## 9 Strategi





# EDISI مايس MAIS

www.mais.gov.my

Tan Sri Prof.  
Dr Ahmad  
Muhammad  
Abd al-Rauf

Ms 18



## TUNAI ZAKAT ANDA SECARA ONLINE @ **EZAKATPAY**

- ✓ MUDAH
- ✓ SELAMAT
- ✓ EFISIEN



Imbas kod QR atau layari

[fpx.zakatselangor.com.my](http://fpx.zakatselangor.com.my)

1. Lengkapkan maklumat  
diri anda.

2. Pilih jenis zakat dan  
jumlah bayaran.

3. Pilih salah satu dari 3  
saluran bayaran di bawah:



- Pilih bank untuk pembayaran zakat.



- Biller Code dan Reference Number akan tertera.
- Buka portal bank pilihan anda dan klik JomPAY.
- Masukkan Biller Code dan Reference Number untuk pembayaran zakat.



- Imbas kod QR yang tertera.
- Masukkan nombor pin atau password untuk pembayaran zakat.



zakatselangor



zakatTV@youtube

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343

[www.zakatselangor.com.my](http://www.zakatselangor.com.my)